

# AMALAN UNIVERSITI TERNAMA

Cara UTHM maklumkan kepada penduduk Batu Pahat mengenai majlis konvokesyen

## RENCANA DARI MUKA 1

Menurut kenyataan UTHM, perarakan itu adalah kelainan yang ditampilkan universiti berkenaan bagi memaklumkan kepada masyarakat setempat mengenai istiadat konvokesyen itu.

“Perarakan konvokesyen yang juga dikenali sebagai ‘Communiversiti Celebration’ adalah amalan turun-temurun beberapa universiti ternama di luar negara seperti Universiti Princeton, Universiti Charles Stuart, Universiti St Andrews dan Universiti Michigan Ann Arbor.

“Di Semenanjung Malaysia, UTHM institut pengajian tinggi pertama mengadakan perarakan seperti itu,” katanya.

Uniknya, perarakan kali ini menampilkan



ANTARA kontinjen perarakan terdiri daripada Ahli Senat UTHM.



SEBAHAGIAN peserta perarakan.



PESERTA yang menyertai perarakan turut membawa bendera UTHM.



PERSEMBAHAN pancaragam menarik perhatian pengunjung.

kontinjen berimej warna-warni menggambarkan perpaduan masyarakat selain penyertaan kumpulan pancaragam Batalion Ke-5 RAMD, SMK (Perempuan) Temenggong

Ibrahim dan SMK Jalan Mengkibol, Kluang. Sambutan di Dataran Penggaram menyaksikan upacara pembacaan pengisytiharan Konvokesyen UTHM kali

ke-16 oleh Pendaftar UTHM Abdul Halim Abdul Rahman dan penyerahan skrol konvokesyen kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat

Ramli Abdul Rahman selaku wakil rasmi Pegawai Daerah sambil disaksikan Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.  
- Ruhaiza Rusmin